

22/05/2003

Kakitangan awam diberi bonus setengah bulan gaji

PUTRAJAYA: Kakitangan awam menerima bonus setengah bulan gaji yang akan dibayar bulan depan dalam usaha meningkatkan keupayaan membeli, sekaligus

menjana kegiatan perniagaan dan ekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pemberian bonus

itu bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

"Syarikat kerajaan yang menjangka keuntungan tahun ini juga disaran memberi insentif kewangan yang sama kepada kakitangan mereka," katanya ketika membentangkan Pakej Strategi Baru - Ke Arah Merangsang Pertumbuhan

Ekonomi Negara, di sini semalam.

Dr Mahathir juga mengumumkan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikurangkan daripada 11 peratus kepada sembilan peratus untuk tempoh setahun berkuat kuasa dari 1 Jun ini.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan meningkatkan kuasa membeli rakyat

yang dikenal pasti dapat menjana pertumbuhan domestik.

"Kerajaan berharap Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyokong langkah ini," katanya.

Kerajaan juga mengumumkan cukai jalan teksi bagi tempoh enam bulan akan

dikurangkan sebanyak 50 peratus sekali saja.

Langkah itu bagi membantu golongan yang terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) berikutan kekurangan pelancong ke negara ini.